

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

Pelanggan yang Dihormati,

Helaian Keterangan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang takaful perubatan dan kesihatan anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**



1 Apakah Direct Hospital Income Benefit?

Direct Hospital Income Benefit adalah produk takaful yang menyediakan manfaat pendapatan harian hospital sekiranya orang yang dilindungi dimasukkan ke hospital.

Konsep syariah yang diguna pakai adalah seperti berikut:

- **Tabarru'** – merujuk kepada sumbangan oleh peserta-peserta takaful ke dalam dana risiko yang bertujuan menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada peserta-peserta takaful atau kepada benefisiari mereka pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui secara bersama. Tabarru' akan berkuat kuasa apabila anda mula menyumbang ke dalam dana risiko.
- **Wakalah** – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan perniagaan takaful dan yuran wakalah (*ujrah*) akan dibayar kepada pihak syarikat.

Nota: "pihak syarikat" merujuk kepada Takaful Ikhlas Family Berhad.

2 Kenali Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, berdasarkan amaun perlindungan manfaat pendapatan harian hospital sebanyak RM500 untuk lelaki berumur 30 tahun yang sihat, tempoh perlindungan 30 tahun dan **RM858.00** tahunan, anda akan menerima **manfaat** takaful perubatan dan kesihatan berikut:

Manfaat Pendapatan Harian Hospital	RM500
------------------------------------	-------

Sekiranya orang yang dilindungi dimasukkan ke hospital, manfaat pendapatan harian hospital akan dibayar tertakluk kepada jumlah hari yang mana hospital tersebut mengenakan caj bilik dan penginapan harian. Manfaat pendapatan harian hospital akan dibayar daripada dana risiko.

Bayaran tersebut adalah tertakluk kepada bilangan maksimum hari berikut:

- a) satu ratus lapan puluh (180) hari setiap tahun bagi kemasukan ke hospital
- b) tiga ratus enam puluh lima (365) hari secara agregat dari kemasukan ke hospital. Had agregat ini diguna pakai sepanjang tempoh sijil takaful dan selepas itu perlindungan produk ini akan ditamatkan

Pengecualian takaful perubatan dan kesihatan anda termasuk:

- i) Disebabkan oleh atau lanjutan daripada cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau di bawah pengaruh alkohol atau narkotik atau dadah atau ketidaksiuman atau disebabkan oleh penyakit kelamin; atau
- ii) Sebarang pelanggaran undang-undang oleh orang yang dilindungi atau kesalahan yang ditimbulkan olehnya; atau
- iii) Sebarang rawatan atau ujian yang berkaitan dengan AIDS atau kewujudan sebarang Virus Kurang Daya Tahan Penyakit dan semua jenis penyakit akibat hubungan kelamin; atau
- iv) Rawatan penjagaan harian, pembedahan kosmetik atau plastik, penjagaan dan rawatan gigi, perubahan jantina serta eksplorasi atau eksperimen pembedahan; atau
- v) Berkaitan dengan kehamilan atau melahirkan anak; atau
- vi) Ujian atau rawatan berkaitan dengan ketidaksuburan, pencegah kehamilan, pemandulan, berkhatan atau sebarang jenis pengguguran disebabkan oleh masalah psikologi atau sosial, dan akibat daripadanya; atau
- vii) Produk ini tidak melindungi kemasukan ke hospital dalam tempoh menunggu kecuali disebabkan oleh kemalangan. Sebarang kemasukan ke hospital luar Malaysia adalah tidak dilindungi di bawah produk ini; atau
- viii) Sebarang keadaan sedia ada

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda mesti merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai takaful perubatan dan kesihatan anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
+603-2723 9696



Lawati kami di:
<https://www.takaful-ikhlas.com.my/category/health/product/direct-hospital-income-benefit>



E-mel kami di:
ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my



Imbas kod QR
di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk takaful perubatan dan kesihatan anda, anda mesti membayar sumbangan takaful sebanyak:	
Sumbangan	RM858.00 tahunan
Tempoh: sehingga umur 60 tahun	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti setem	Tidak berkenaan
Yuran wakalah	50.0% daripada sumbangan atau RM12,870.00
Caj lain yang berkenaan	i) Tabarru': baki sumbangan takaful selepas ditolak yuran wakalah. Amaun tersebut akan dimasukkan ke dana risiko.

4 Syarat utama Lain

- Kepentingan pendedahan maklumat – anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti tetapi tidak terhad kepada umur, pekerjaan dan keadaan kesihatan dengan betul. Ini membolehkan wakil anda untuk menasihatkan produk yang sewajarnya yang memenuhi keperluan dan keadaan anda.
- Apabila kami tidak menerima bayaran sumbangan takaful pada tarikh akhir sumbangan dan tempoh ehsan telah tamat, sijil takaful akan luput dan tidak akan mempunyai sebarang nilai.
- Tempoh ehsan ialah selama tiga puluh satu (31) hari dari tarikh akhir sumbangan takaful untuk membayar sumbangan takaful yang seterusnya.
- Notis terhadap tuntutan haruslah dibuat secara bertulis kepada syarikat dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian yang mengakibatkan tuntutan. Setelah notis tuntutan dikemukakan, pihak syarikat akan memberikan borang-borang berkaitan kepada pihak yang melakukan tuntutan bagi memfailkan bukti tuntutan serta memaklumkan pihak yang menuntut akan keperluan-keperluan lain yang mungkin diperlukan. Walau bagaimanapun, ini tidak akan menghalang pihak syarikat dari meminta dokumen yang selanjutnya mengenai tuntutan tersebut sekiranya didapati perlu. Kesemua maklumat dan bahan bukti ini hendaklah dikemukakan kepada syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh berlakunya peristiwa-peristiwa yang dilindungi.
- Tiada manfaat pendapatan hospital akan dibayar jika kemasukan ke hospital berlaku atau didiagnos dalam tempoh menunggu iaitu tiga puluh (30) hari dari tarikh kuat kuasa sijil takaful atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana kemudian kecuali kecederaan yang berlaku disebabkan oleh kemalangan.
- Satu ratus dua puluh (120) hari tempoh menunggu adalah terpakai dari tarikh kuat kuasa sijil takaful atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana kemudian untuk kemasukan ke hospital yang disebabkan oleh penyakit-penyakit khusus. Penyakit-penyakit khusus bermakna hilang upaya dan komplikasi yang berkaitan dengannya seperti yang dinyatakan di bawah:
 - Darah tinggi, kencing manis atau penyakit kardiovaskular; atau
 - Apa-apa pertumbuhan termasuklah tumor, kanser, sista, nodul, polyps; atau
 - Batu-batu dari sistem kencing dan sistem biliari; atau
 - Apa-apa penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) atau keadaan tekak; atau
 - Hernia, buasir, fistulae, hidrosel atau varikosele; atau
 - Apa-apa penyakit berkaitan sistem pembiakan termasuk endometriosis; atau
 - Mana-mana gangguan tulang belakang (termasuk cakera tergelincir) atau sebarang keadaan lutut.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada sijil takaful bagi mendapatkan senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat. PDS ini mengandungi ringkasan produk dan bukan kontrak pelan takaful. Sijil takaful akan mengatasi dokumen ini

? Bolehkah sijil takaful ini dibatalkan?

Ya, anda boleh membatalkan sijil takaful anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan sijil takaful dengan mengembalikan sijil takaful tersebut kepada pihak syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari selepas sijil takaful dihantar kepada anda. Sumbangan takaful yang telah dibayar (selepas ditolak dengan jumlah perbelanjaan perubatan – sekiranya ada) akan dikembalikan dan sijil takaful akan dibatalkan.
- Notis Bertulis:** Jika anda merasakan pelan yang dipilih tidak lagi bersesuaian, anda boleh menyerahkan sijil takaful dengan memberikan notis bertulis kepada kami pada bila-bila masa selepas sijil takaful berkuatkuasa selagi sijil takaful anda masih berkuat kuasa. Tiada sebarang amaun akan dibayar apabila sijil takaful anda diserahkan. Sijil takaful akan ditamatkan pada tarikh sumbangan takaful yang berikutnya.

Manfaat-manfaat yang layak dibayar di bawah sijil takaful ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga hadnya. Sila rujuk risalah TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas Family Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan mengetahui tujuan anda meletakkan tandatangan anda.

- ☐ Saya mengakui bahawa Takaful Ikhlas Family Berhad telah memberikan saya salinan PDS.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS ini.

**Pengakuan pelanggan terhadap PDS ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk.*

Nama:
Tarikh: